

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**  
**Peperiksaan Semester Pertama**  
**Sidang 1987/88**

**HIT 403 - Tinjauan Pemikiran Ahli-Ahli Falsafah Islam**

**Tarikh:** 6 November 1987

**Masa:** 9.00 pagi - 12.00 t/hari.  
( 3 jam )

**KERTAS INI MENGANDUNGI TIGA BAHAGIAN A, B DAN C.**  
Jawab **TIGA(3)** soalan. **SATU(1)** soalan daripada setiap Bahagian A, B dan C.

**BAHAGIAN A - Pilih SATU(1) soalan**

1. Beza bandingkan berbagai aliran pemikiran di dalam Islam yang bersifat falsafah. Jelaskan sumbangan dan pengaruh masing-masing, tonjolkan isu-isu yang pernah dibahaskan, kemudian di mana berkaitan, jelaskan tanggapan humanisme sekular terhadap isu-isu seperti itu ataupun mana-mana isu yang hampir sama, seterusnya kemukakan pandangan kritis anda terhadap pandangan sekularisme itu.
2. Abu Hamid al Ghazali dan Ibn Rusyd, masing-masing mewakili dua aliran pemikiran yang berbeza, jelaskan sifat utama aliran-aliran itu. Jika sekiranya kedua-dua tokoh itu mengasaskan pemikiran mereka di atas aqidah Tauhid, mempercayai bahawa wahyu sebagai sumber nilai yang tertinggi, maka bererti tiada apa-apa perbezaan pendapat di antara mereka berdua. Adakah anda setuju dengan anggapan ini atau sebaliknya? Kenapa? Jelaskan.

**BAHAGIAN B - Pilih SATU(1) soalan**

3. Jelaskan bagaimana dan kenapakah kepelbagaian aliran pemikiran di dalam Islam tidak boleh disamakan dengan kepelbagaian yang terdapat di dalam Kristianiti dan pemikiran sekularisme.
4. Berdasarkan Al-Quran surah Al-'Alaq ayat 1 - 2 dan mana-mana satu ayat yang berkaitan serta berdasarkan kefahaman anda tentang konsep ayat, tulis satu esei bagi tujuan menyedarkan pembaca tentang peri pentingnya menilai kembali ilmu ilmu moden dan mengemaskinikan ilmu-ilmu keislaman.

.../2

**BAHAGIAN C - Pilih SATU(1) soalan**

5. Corliss Lamont di dalam bukunya The Philosophy of Humanism menyatakan sepuluh prinsip falsafah humanisme. Kemukakan satu analisis secara kritis dari sudut pandangan Islam. Kemudian, jelaskan kaitan pandangan semesta Islam dengan aqidah serta pengaruhnya terhadap peri kemanusiaan dan kesejahteraan masyarakat.
6. Pandangan semesta dikatakan mempengaruhi cara berfikir dan cara hidup individu dan kelompok. Berdasarkan kefahaman anda tentang kesepakatan pendapat mengenai isu ini di kalangan berbagai aliran pemikiran Islam, jawab satu(1) sahaja daripada soalan-soalan berikut:

**SAMA ADA**

- (a) Huraikan kenapa dan bagaimanakah pandangan semesta mempengaruhi cara berfikir dan cara hidup individu dan kelompok masyarakat. Kemudian, kemukakan pandangan kritis anda terhadap pendapat tentang isu-isu tertentu yang pernah dikemukakan oleh seorang tokoh yang berpengaruh di Asia Barat sama ada daripada Arab ataupun Turki yang hidup sekitar abad ke-18 hingga ke-20. Penjelasan perlu diberi tentang andaian-andaian dasar falsafah yang tersirat di dalam pernyataan tokoh berkenaan.

**ATAU**

- (b) Beza bandingkan perspektif Islam dengan satu perspektif selainnya tentang realiti, teori nilai, teori ilmu dan teori kewujudan. Kemudian, jelaskan persamaan dan perbezaan pendapat di kalangan tiga aliran pemikiran Islam tentang, hukum sebab-akibat dan akal.

-ooo000ooo-